

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JUN 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

## Sasar bayar dividen RM40B

**Bisnes**

PETRONAS catat untung bersih terbesar dalam sejarah sebanyak RM101.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

**PETRONAS KOMITED BANTU KERAJAAN**

### SASAR BAYAR DIVIDEN RM40B

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
bisnes@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Petronas komited untuk membayar dividen RM40 bilion kepada kerajaan tahun ini, demikian kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik.

Beliau berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu mempunyai keupayaan untuk membayar jumlah dividen berkenaan meskipun harga minyak mentah kini berlegar pada paras lebih rendah berbanding yang dicatatkan pada tahun lalu.

Katanya, jumlah RM40 bilion itu lebih tinggi berbanding jumlah asal sebanyak RM35 bilion.

"Kami berkecukupan baik. Kami sudah mem-

sukkan (RM40 bilion) ke dalam pembayaran berjadual yang sudah dipersetujui," katanya mengulas mengenai komitmen Petronas membayar dividen RM40 bilion kepada kerajaan tahun ini di tengah-tengah persekitaran mencabar.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada taklimat Petronas bersama pengarang media yang diadakan di sini, semalam.

Penganalisis pasaran menyifatkan jumlah dividen RM40 bilion itu munasabah dan Petronas mampu membayarnya meskipun harga minyak mentah merosot dengan ketara.

la bersandarkan kepada aliran tunai operasi Petronas yang mantap akan menyokong syarikat minyak dan gas nasional itu untuk membuat demikian tanpa menjejaskan operasinya.

Pada 2022, Petronas membayar dividen RM50 bilion termasuk dividen tambahan RM25 bilion.

Syarikat minyak dan gas nasional itu juga mencatatkan keuntungan bersih terbesar dalam sejarah sebanyak RM101.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Dalam tempoh dikaji, syarikat minyak dan gas nasional itu turut mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM375.3 bilion.

Sementara itu, Tengku Muhammad Taufik berkata, beliau percaya kontraknya akan disambung untuk terus menerajui syarikat

minyak dan gas nasional itu.

Namun, beliau menegaskan, keputusan untuk memperbaharui atau tidak memperbaharui kontraknya atas budi bicara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kontrak saya...Saya tidak mempunyai sebab untuk percaya (kontrak) tidak akan disambung. Pemegang saham tidak pernah menyuarakan sebarang ketidakpuasan.

"Saya tidak mempunyai apa-apa sebab ketika ini untuk mempercayai bahawa tidak akan disambung," katanya ketika diminta mengulas mengenai status kontraknya yang dipercayai tamat bulan ini.

Tengku Muhammad Taufik menerajui pengurusan tertinggi Petronas pada 1 Julai 2020 bagi menggantikan Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

**“ Kami masukkan (RM40 bilion) ke dalam pembayaran berjadual ”**  
Tengku Muhammad Taufik